

08 MAY 2003

Mahathir-LNG/I

M'SIA MESTI TINGKATKAN DAYA SAING INDUSTRI MINYAK DAN GAS

Oleh: Newmond Tibin

BINTULU, 8 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menggesa semua rakyat Malaysia supaya bekerjasama untuk mempertingkatkan daya saing negara dalam industri minyak dalam menghadapi cabaran mendatang, terutamanya dalam rantaian perniagaan gas asli cecair (LNG).

"Kita tidak boleh menjadi penonton yang pasif terhadap zaman yang berubah ini kerana di dalam dunia globalisasi, ganjaran untuk tidak berbuat apa-apa mungkin bermakna menafikan generasi akan datang kepada masa depan yang baik," katanya pada pembukaan rasmi Kompleks Bersepadu Petronas berharga RM16.6 bilion di sini.

Turut hadir pada upacara itu ialah Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud, pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin serta presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Marican.

Perdana Menteri terdahulu daripada itu tiba dengan jet eksekutifnya di lapangan terbang baru Bintulu dan kemudian menaiki helikopter ke kompleks itu.

Dr Mahathir berkata adalah lebih mencabar lagi untuk memastikan daya saing keseluruhan Malaysia sebagai pengusaha LNG global.

"Untuk melakukan ini, kita akan terpaksa mempunyai saingan kos dan kecekapan kos dalam setiap aspek rantaian perniagaan LNG. Kita tidak harus lagi terbatas kepada bidang tempatan tetapi sebaliknya membangunkan kapasiti dan juga kemampuan untuk menjadi pengeluar LNG global dengan fleksibiliti dan keupayaan membekalkan LNG kepada pelanggan-pelanggan kita di mana sahaja di dunia daripada sumber bekalan yang terletak di negara asing."

Beliau berkata: "Kita mesti terus melabur di kalangan belia kita supaya mereka akan mendapat inspirasi untuk menghadapi cabaran membawa negara ke dalam era baru dan mencabar industri LNG di dalam abad ke-21 ini."

Perdana Menteri berkata realiti baru di dalam LNG global ialah perniagaan telah menjadi medan perang bagi pengusaha-pengusaha besar.

Rizab gas global yang banyak telah juga menggalakkan penyertaan pengeluar baru dan persaingan telah menjadi lebih sengit kerana perkembangan dalam bekalan semakin mengatasi pertumbuhan permintaan dalam pasaran-pasaran tradisi, katanya.

"Pasaran-pasaran baru dan bukan tradisi sebaliknya menghadapi cabaran yang berbeza. Teknologi telah menyumbang selanjutnya kepada landskap perniagaan yang berubah kerana ia membolehkan carigali gas yang lebih murah dan lebih cepat dan juga kos pengangkutan LNG yang bertambah baik,"

Dr Mahathir berkata persaingan sengit telah juga memberikan tekanan hebat terhadap harga LNG dunia.

Beliau berkata sementara Malaysia boleh berbangga terhadap kemajuan yang dibuatnya dalam industri minyak dan gas, "kita mesti mengingatkan diri kita sendiri, masih banyak yang perlu dipelajari, banyak yang perlu dibuat."

"Kita tidak mampu untuk mudah berpuas hati. Kita tahu bahawa syarikat-syarikat besar tidak kekal menjadi besar selamanya. Banyak yang telah jatuh, banyak nama besar telah lenyap.

"Rizab kita bukanlah tidak boleh habis, malahan ia agak terhad. Industri ini tidak akan bersama kita selama-lamanya tetapi kemahiran dan kepakaran yang kita perolehi sementara kita masih mempunyai industri ini akan berakhir lebih lama kerana pengetahuan dan pengalaman diturunkan

kepada institusi-institusi pengajian tinggi dan melalui penggunaannya di dalam bidang-bidang lain."

Dr Mahathir berkata sungguhpun eksport LNG menyumbang 3.6 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia tahun lepas, nilai eksport LNG sahaja berjumlah RM12.8 bilion.

LNG juga telah menjana hasil untuk kerajaan dalam cara-cara lain seperti pembayaran cukai korporat dan lainnya.

Ini ialah kerana ia tidak cuma terbatas kepada perniagaan minyak dan gas tetapi termasuk perniagaan-perniagaan lain yang muncul daripada keperluan untuk menyokong industri itu serta perdagangan dan perindustrian domestik biasa, katanya.

"Saya gembira mendapat tahu beberapa syarikat Malaysia, termasuk syarikat Bumiputera, kini terbabit secara langsung dan tidak langsung dalam menyanggara loji di Bintulu dan kilang-kilang lain di seluruh Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata sejak kargo LNG pertama Malaysia dilepaskan di Bintulu pada Januari 1983, negara bukan sahaja telah muncul sebagai pengendali yang berwibawa dan cekap kerana ia tidak pernah terlepas walaupun satu kargo tetapi telah juga menyamai kedudukan pengeluar-pengeluar LNG terbesar dunia.

Dengan siapnya loji Malaysia LNG Tiga, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengatasi Algeria sebagai pengeluar LNG kedua terbesar di dunia.

Katanya Kompleks LNG Petronas telah memperolehi nama baik kerana mempunyai kemudahan pengeluaran LNG terbesar dunia di dalam satu lokasi tunggal.

"Sesungguhnya, kompleks LNG Petronas ini kini menjadi satu lagi contoh cemerlang wawasan yang dicapai daripada aspirasi negara untuk menjadi realiti hasil kepercayaan yang sama di kalangan rakyat Malaysia bahawa "kita boleh melakukannya."

Perdana Menteri berkata pulangan terbesar daripada projek LNG ialah perubahan dalam pemikiran para pengurus dan pekerja Malaysia.

"Kita tidak lagi merasa tidak yakin. Mereka (pengurus dan pekerja Malaysia) kini tahu bahawa mereka boleh buat apa yang orang lain boleh lakukan. Tanpa terlampau tergesa-gesa, mereka telah mempelajari kemahiran dan memperolehi keyakinan untuk membantu membina dan mengendalikan kompleks loji pencairan gas ini.

"Ia bukanlah satu pencapaian yang mudah untuk dicapai di dalam tempoh yang agak singkat. Saya gembira menyatakan bahawa di seluruh Malaysia, kita kini dapati tahap keyakinan yang lebih besar di kalangan pekerja dan eksekutif dan Petronas telah menyumbang dalam cara yang agak besar dalam membina keyakinan itu.

Dr Mahathir berkata loji LNG itu bukan sahaja membolehkan negara memperolehi sumber yang berharga daripada medan-medan gas tulen tetapi juga gas berkaitan daripada pengeluaran minyak.

Katanya sebelum ini gas berkaitan dibuang begitu sahaja dan telah menyumbang kepada pencemaran alam sekitar.

"Kini gas ini telah dijadikan pendapatan tambahan bagi negara kerana ia juga dijadikan cecair oleh loji ini," katanya.

Dr Mahathir berkata penemuan minyak dan gas di Malaysia datang pada masa yang paling tepat kerana rezab timah negara telah kehabisan dengan cepat, harga getah jatuh menjunam dan industri pembuatan belum lagi menggantikan komoditi-komoditi itu sebagai enjin pertumbuhan.

Beliau berkata: "Pada 1973 krisis minyak pertama muncul. (Dengan) kos bahan api yang tinggi yang kita terpaksa menguatkuasakan ketika itu dan pulangan yang rendah daripada sumber-sumber pendapatan kita, masa depan kelihatan begitu suram bagi Malaysia (ketika itu).

"Kita tidak pernah percaya sebenarnya terdapat minyak dan gas di luar

pantai Malaysia. Oleh itu kita amat murah hati dalam memberikan konsesi carigali dan pengeluaran.

"Kita meraba-raba dan membuat silap, tidak memahami sebenarnya perniagaan minyak dan potensinya bagi Malaysia. Dan perniagaan minyak dunia telah dikuasai oleh syarikat-syarikat multinasional yang besar, dikendalikan oleh orang besar yang menggerunkan kita. Kita malahan merasa serba kekurangan bila berunding dengan mereka."

Dr Mahathir berkata ketakutan itulah yang menyebabkan Malaysia menubuhkan perbadanan minyak negaranya, Petronas, dan hari ini syarikat ini telah dikenali di seluruh dunia.

Sambil menyatakan bahawa Malaysia telah mencapai sedikit kemajuan dalam industri minyak dan gas, beliau juga mengucapkan tahniah kepada pengurusan dan kakitangan Petronas kerana perolehan ilmu dan kemahiran yang cepat untuk menjadikan perbadanan minyak negara itu sebuah peserta antarabangsa.

-- BERNAMA

NT/FLL SHY/MR/MKO OS RON